

27/08/2003

Sri Lanka selami kejayaan Malaysia

Nurul Adlina Kamaludin

MALAYSIA tidak lagi dilihat sekadar rakan dagang atau jiran di kalangan negara Asia. Lebih tepat kalau dikatakan faktor geografi fizikal bukanlah satu-satunya elemen mendekatkan Kuala Lumpur dengan negara lain di rantau ini.

Sebaliknya, berbekalkan dasar luar yang cemerlang, kestabilan ekonomi dan politik, ketegasan pemimpin menyuarakan pendirian dalam isu keamanan dunia dan globalisasi terbukti menarik minat dan kepercayaan ramai pihak asing untuk mendekati Malaysia.

Tidak keterlaluan jika dikatakan Malaysia adalah suara dunia ketiga yang berani melontarkan kritikan, termasuk ke atas negara maju demi kebenaran, hak dan kebebasan bersuara.

Pendirianannya itu ternyata tidak hanya menguntungkan diri sendiri, tetapi turut memanfaatkan negara lain. Antara contoh ketara termasuk Myanmar yang diterima masuk menganggotai gagasan Asean pada 1997 hasil usaha gigih Malaysia, khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Filipina yang diselubungi masalah dalaman turut menjadikan Malaysia sebagai orang tengah dalam usaha meleraikan persengketaan 25 tahunnya dengan kumpulan pemisah Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF). Proses damai Manila-MILF yang buntu sebelum ini, kelihatan bernafas kembali dengan beberapa siri rundingan di Kuala Lumpur.

Kini, Sri Lanka pula menyatakan minatnya ke atas Malaysia dan ingin mempelajari selok belok kejayaan Kuala Lumpur. Lebih membanggakan, Sri Lanka yang dikenali sebagai Ceylon sebelum ini menjadikan Kuala Lumpur contoh dalam program kemunculan semulanya selepas terjejas teruk akibat masalah dalaman dan ancaman kumpulan pemisah, Barisan Pembebasan Harimau Tamil Eelam (LTTE).

Menyedari kepentingan Malaysia, Sri Lanka mempelawa sekumpulan 14 wartawan media elektronik dan media cetak Kuala Lumpur untuk melihat sendiri proses damainya dengan LTTE, selain prospek perdagangan dan pelancongan yang ada di negara yang saiznya lima kali lebih kecil itu.

Kumpulan wartawan Malaysia yang berada di sana pada 1 hingga 12 Ogos lalu turut menjadi antara media pertama dunia berpeluang menjejaskan kaki ke Jaffna dan Trincomalee, dua bekas kubu LTTE di utara dan timur negara itu yang jatuh semula ke tangan kerajaan, hampir 20 bulan lalu.

Menerusi program itu, kumpulan media terbabit dibawa mendekati kehidupan rakyatnya termasuk di kawasan markas utama LTTE, kumpulan gerila yang terkenal dengan keganasan dan berjuang demi kepentingan penduduk Tamil yang majoritinya bertumpu di timur negara itu.

Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka ke Kuala Lumpur, Rosy Senanayake, berkata tujuan utama Kerajaan Sri Lanka dengan kerjasama Lembaga Pelancongan Sri Lanka dan syarikat penerbangan SriLankan Air mengadakan program itu adalah bagi memastikan pemimpin, rakyat negara ini dan ahli perniagaan, mendapat gambaran sebenar senario politik negara itu.

Ini kerana, katanya, Colombo menganggap Malaysia bukan saja sebagai negara jiran, tetapi rakan akrab dalam soal perdagangan, sosial serta politik.

"Malah, imej Malaysia yang disegani di kalangan pemimpin di rantau ini menjadi faktor kenapa Sri Lanka perlu mendekatinya. Tetapi sebelum itu berlaku, perkara asas yang perlu dipaparkan adalah keamanan yang sememangnya wujud di sini, biarpun ia jarang dihebahkan media asing," katanya.

Kata-kata Senanayake itu ada benarnya kerana seperti Malaysia, Sri Lanka turut menerima liputan berat sebelah media asing, menyebabkannya dijauhi pelancong dan pelabur asing. Kesannya, ramai yang melihat Sri Lanka negara bermasalah dengan keadaan ekonomi, sosial dan politiknya bercelaru serta harus dijauhi.

Terus terang, keresahan akibat ancaman LTTE turut tersemam dalam diri sebahagian besar wakil media Malaysia. Kebimbangan itu pula terbukti berasas apabila perjalanan pulang dari Jaffna, dicatatkan dengan sekatan pemeriksaan LTTE di Puliyankulam, kira-kira 104 kilometer dari Jaffna pada 4 Ogos lalu.

Perasaan cemas ditahan hampir sejam lamanya dalam sekatan jalan yang berpunca daripada masalah teknikal kerana kesilapan senarai nama itu, bagaimanapun terubat apabila berpeluang menjelajahi beberapa bandar utama lain termasuk Trincomalee, Kandy, Dambula, Galle dan Colombo, yang terletak di utara, timur, selatan dan barat Sri Lanka.

Ini kerana, sepanjang 12 hari di sana, secara keseluruhannya boleh disimpulkan yang Sri Lanka sebenarnya aman, indah dan berpotensi besar. Usaha kerajaan baru Sri Lanka pimpinan Perdana Menteri, Ranil Wikramasinghe, yang baru berusia 20 bulan, termasuk memeterai gencatan senjata dengan LTTE Februari tahun lalu juga mula menampakkan hasil apabila sebahagian besar rakyatnya yang ditemui sudah berani memulakan kehidupan baru dan optimis dengan keupayaan kerajaannya 'menjinakkan' Harimau LTTE.

Biarpun goyah, mereka yakin berbekalkan sokongan rakyat yang menolak keganasan, bantuan antarabangsa memberi tekanan kepada kumpulan gerila itu akan membantu mengatasi kebuntuan proses damai itu.

Sri Lanka juga sebenarnya masih belum terlambat untuk keluar daripada kegelapan akibat perang saudara 20 tahunnya itu. Ibarat permata yang belum digilap sepenuhnya, Sri Lanka sebenarnya kaya dengan sumber manusia selain kedudukannya sebagai pintu masuk ke pasaran lebih besar iaitu India.

Namun, sebelum itu dapat direalisasikan, Kerajaan Sri Lanka yang menjaga kebajikan 19.5 juta penduduknya - kaum Sinhalis, Tamil, Moor (India Muslim dan Arab) sememangnya terpaksa berharap kepada sokongan antarabangsa, termasuk Malaysia bagi melenyapkan imej negatifnya yang dipalitkan LTTE.

Bagi menunjukkan kesungguhannya menarik perhatian Malaysia, Colombo menghantar sekumpulan delegasi rasmi bagi menarik pelaburan Malaysia selain menyelami rahsia kejayaan Kuala Lumpur.

Misi empat hari bermula hari ini diketuai Menteri Pembangunan Usahawan, Dasar Industri dan Penggalakan Pelaburannya, Prof G L Peiris dan beberapa anggota Kabinet lain termasuk Menteri Sumber Manusia, Mahinda Samarasinghe dan Menteri Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna, Ravi Karunanayake.

Selain menggalakkan pelaburan, beberapa perjanjian memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua negara akan turut ditandatangani.

Sewaktu ditemui wartawan Malaysia di Colombo baru-baru ini, Peiris berkata, misi itu penting bagi mempelawa usahawan dari negara ini meneroka peluang pelaburan dalam sektor petroleum, tenaga, teknologi maklumat dan pembangunan prasarana.

Ini kerana, Sri Lanka dan Malaysia mempunyai banyak persamaan. Dari segi sejarah misalnya, kedua-dua negara ini pernah dijajah Portugis, Belanda dan Inggeris, selain berkongsi faktor geografi dan kepelbagaian etniknya.

Malah, ramai daripada rakyat Malaysia berketurunan Sri Lanka yang dibawa pihak Inggeris ketika menakluk Tanah Melayu dan generasi kedua 'Ceylonese' di negara ini termasuk usahawan berjaya dan disegani, Pengerusi Eksekutif Westport, Tan Sri G Gnanalingam dan tokoh korporat, Tan Sri T Ananda Krishnan.

Jika dilihat, perdagangan dua hala juga meningkat daripada RM885 juta pada 2000 kepada RM910 juta tahun lalu. Imbangan perdagangan memihak

kepada Malaysia. Tahun lalu misalnya, Sri Lanka mengimport produk petroleum, bahan pembinaan, minyak sawit dan minyak lain bernilai RM887 juta dari Malaysia, manakala Malaysia mengimport produk pakaian, tekstil, teh, peralatan loji kuasa, komoditi dan produk serta alat ganti elektrik bernilai RM23 juta dari Sri Lanka.

Antara syarikat Malaysia yang sudah melabur di Sri Lanka ialah Telekom Malaysia Bhd dengan pelaburan berjumlah RM760 juta (AS\$200 juta) dan Pembinaan Wincon Sdn Bhd (Wincon) yang terbabit dalam projek pembinaan 25,000 unit kuarters pegawai kerajaan dan rumah kos rendah.

Selain itu, Malaysia diwakili Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu turut terbabit dalam perbincangan bagi projek pembinaan lebuh raya ekspres menghubungkan Colombo dengan pusat peranginan tanah tinggi popular, Kandy.

Jika rundingan itu berjaya, ia bukan setakat menghubungkan dua kawasan Sri Lanka, tetapi menjadi lambang kelangsungan hubungan dua negara itu yang pastinya cerah pada masa depan.